

Bausch+Lomb renu MultiPlus® Lubricating & Rewetting Drops /Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus®

Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus® ialah larutan steril dan isotonik yang mengandungi povidon, asid borik, kalium klorida, natrium borat dan natrium klorida; diawet dengan edetat dinatrium 0.1% dan asid sorbik 0.1%.

Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus® ialah larutan yang diawet dengan formula berkesan yang melembapkan kanta lekap lembut dan menghapuskan kekeringan sekali-sekala supaya kanta lekap dapat dipakai dengan lebih selesa. Untuk kegunaan semua kanta lekap lembut.

Arahan penggunaan -

- Gunakan 2 - 3 titis **Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus®** pada bila-bila masa yang diperlukan. Kerdipkan mata beberapa kali. Jika rasa tidak selesa berterusan, segera tanggalkan kanta lekap dan hubungi pengamal penjagaan mata anda.

Perkara Penting

- Jangan sentuh hujung penitis **Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus®** dengan mana-mana permukaan kerana ia boleh mencemarkan larutan.
- Botol hendaklah sentiasa ditutup untuk mengelakkan pencemaran atau penyejatan apabila tidak digunakan.
- Tatacara penjagaan kanta lekap yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata mestilah dipatuhi setiap hari.
- Kegagalan mematuhi tatacara ini boleh menyebabkan berlakunya komplikasi mata.
- Jika kerengsaan berterusan, hentikan penggunaan produk dan dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.
- Simpan **Titisan Pelincir & Pembasahan Semula Bausch+Lomb renu MultiPlus®** di bawah suhu 25°C.
- BUANG BAKI LARUTAN DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS DIBUKA.
- Gunakan larutan sebelum tarikh luput yang ditandakan pada kotak dan botol.
- JANGAN CAMPUR DENGAN CECAIR LAIN MELAINKAN DIARAHKAN OLEH PENGAMAL PENJAGAAN MATA ANDA.
- Jangan gunakan apa-apa ubat mata serentak dengan larutan ini melainkan atas nasihat perubatan.
- Jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam produk ini, jangan gunakannya.

Untuk kegunaan mata sahaja. Tidak boleh diminum. Jauhkan produk daripada kanak-kanak.

Bausch+Lomb berharap anda akan terus memakai kanta lekap untuk tahun-tahun seterusnya. Jika anda mempunyai apa-apa soalan berkaitan kanta lekap atau penjagaan kanta lekap anda, sila hubungi pengamal penjagaan mata anda.

®/™ ialah tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Incorporated